

MAJLIS ANUGERAH PROFESOR ULUNG TAHUN 2014
23/01/2015

HOTEL BANGI, PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh,

Yang Berhormat Dato' Seri Idris Bin Jusoh
Menteri Pendidikan II

Yang Berhormat Datuk Mary Yap Kain Ching
Timbalan Menteri Pendidikan I

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Bt Mohamad
Ketua Setiausaha

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang
Ketua Setiausaha II

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Asma Bt Ismail
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Pengerusi-Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Naib-Naib Canselor
Universiti, Majlis Profesor Negara, Ketua-Ketua Jabatan, Tan Sri-Tan Sri, Datuk-
Datuk, Datin-Datin, Pegawai Kanan Kementerian Dan Universiti, Tuan-Tuan
Dan Puan-Puan.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun dalam satu majlis pengiktirafan pencapaian, kejayaan dan kecemerlangan warga akademik Negara. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia atas kejayaan dalam menganjurkan majlis penganugerahan yang penuh gemilang ini.

MERAIKAN SARJANA DAN KESARJANAAN

2. Sesungguhnya majlis ini, umumnya adalah untuk meraikan keserjanaan para sarjana Malaysia, sumbangan, pencapaian dan prestasi mereka bukan hanya untuk bidang kepakaran masing-masing tetapi manfaat berguna yang mereka sumbangkan kepada negara dan rakyat jelata. Kita juga ingin meraikan kejayaan segala bentuk ilmu, berasaskan sains dan bukan sains, yang telah berjaya diterap dan digarap oleh para sarjana dalam bentuk advokasi awam sehingga boleh merubah wajah dan lanskap ekonomi, politik, budaya dan sosial negara. Justeru itu, Majlis ini memperagakan kerelevanan ilmu yang dihasilkan para sarjana tersebut, bagaimana mereka menjadi rujukan penting dan menerima penghormatan serta sanjungan tertinggi pada peringkat kebangsaan, serantau dan seantero dunia.

3. Kini telah diasaskan bahawa mercu pencapaian tertinggi seseorang sarjana di Malaysia yang mencerminkan kualiti tinggi keserjanaannya sekali gus sumbangan beliau terhadap masyarakat umum ialah apabila beliau diangkat pangkatnya ke PROFESOR ULUNG.

4. Terciptanya jawatan dan gred PROFESOR ULUNG ini adalah selaras dengan amanat YAB Perdana Menteri pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-11 pada Mac 2010 mengenai keperluan Negara menaik taraf skim perkhidmatan akademik, khususnya, profesor, supaya berada diperingkat tertinggi dalam perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, buat julung kalinya, pada tahun 2010 tiga (3) orang Profesor Ulung telah dilantik; seorang daripada bidang pemikiran Islam iaitu Professor Ulung Tan Sri Dr Muhammad Kamal bin Hassan; seorang daripada bidang patologi iaitu Professor Ulung Datuk Dr Looi Lai-Meng, seorang daripada bidang antropologi sosial iaitu Professor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri bin Baharuddin. Alhamdulillah, berkat doa dan kesabaran diikuti dengan kerja keras, sebentar lagi kita akan meraikan pelantikan seorang lagi Profesor Ulung dan beliau merupakan Profesor Ulung yang ke-empat.

5. Profesor Ulung adalah lambang mercu pencapaian dan kejayaan sistem pendidikan tinggi di Malaysia. LONJAKAN seorang AHLI AKADEMIK kepada seorang PROFESOR ULUNG ditakrifkan sebagai suatu peningkatan kegiatan dan sumbangan ke suatu aras yang lebih tinggi, luas lagi mendalam bagi bidang kepakaran akademiknya, iaitu ke suatu arena strategik dalam pembentukan dasar yang mempunyai impak terhadap masyarakat pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, beliau juga telah diiktiraf serta mendapat sanjungan pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa dengan penyerlahan dalam bidang beliau melalui penghasilan penyelidikan yang berimpak tinggi dan sumbangan terhadap masyarakat. Tinggillah harapan

negara agar Profesor Ulung dapat terus membantu menaik taraf prestij pendidikan tinggi Malaysia di peringkat global.

PELANTIKAN PROFESOR ULUNG

Hadirin yang saya hormati,

6. Pelantikan Profesor Ulung adalah contoh cendekiawan terbilang daripada semua cendekiawan yang ada di Malaysia. Profesor Ulung sewajarnya menjadi model dan idola kepada ahli akademik dan sekali gus membuktikan kerajaan tidak pernah alpa dalam memartabatkan kecemerlangan ilmu dan meletakkan kedudukan cendekiawan Negara ke tahap tertinggi dalam masyarakat. Ini bermakna PROFESOR ULUNG dengan sendirinya adalah intelektual awam, atau public intellectual, yang lahir daripada sistem pengajian tinggi mengikut acuan Negara.

7. Sebagai usaha Kerajaan untuk menarik dan mengekalkan bakat yang terbaik, kakitangan akademik di Universiti berpeluang menikmati kenaikan pangkat sehingga ke tahap Gred Turus dalam dua keadaan. Dalam keadaan pertama, sekiranya tokoh akademik tertentu mempamerkan kesohoran dalam bidang pentadbiran dan governans serta memiliki karisma yang menyerlah, beliau boleh dilantik menjawat jawatan pentadbiran di universiti sehingga menjadi Naib Canselor atau menjadi Ketua Pengarah di Jabatan Pendidikan Tinggi.

8. Keadaan kedua pula adalah bagi mereka yang tidak cenderung kepada kerja-kerja pentadbiran dan lebih menumpukan perhatian kepada kepakaran dan kesarjanaan beliau, bidang teras pengajaran, penyeliaan, penyelidikan serta perundingan. Permohonan kenaikan pangkat ke peringkat Profesor Ulung dibuka pada setiap tahun dan sekiranya mereka memenuhi syarat dan melepasi penilaian yang telah ditetapkan, kita akan meraikannya dalam Majlis Pelantikan Profesor Ulung, sebagaimana yang kita saksikan pada hari ini.

9. Kita boleh merasa bangga kerana Profesor Ulung pada tahun ini adalah daripada bidang Sains Fizik, satu bidang yang dikatakan mencabar untuk dipelajari kerana ia suatu subjek yang rumit dan banyak penulisan dan rujukan pula dalam bahasa asing. Inilah kebanggaan kita, inilah produk sistem pendidikan Negara. Namun usaha berterusan ke arah penambahbaikan sistem sedia ada akan terus dilaksanakan demi meningkatkan lagi mutu dan kualiti pendidikan baik di peringkat pra-sekolah, sekolah, pengajian tinggi dan pasca pengajian tinggi.

HARAPAN

DAN

CABARAN

Hadirin

yang

saya

hormati,

10. Peranan dan aktiviti Profesor Ulung pada masa hadapan tidak sahaja terbatas faedahnya kepada kalangan pelajar, pensyarah dan juga universiti malah tersebar luas kepada institusi Kerajaan, organisasi awam dan masyarakat tempatan. Seajar dengan bidang kepakaran Profesor Ulung bagi tahun 2014, saya berharap beliau akan dapat menjadi Duta bagi menarik minat pelajar dan masyarakat tempatan untuk mendekati bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan menjadikan STEM sebagai pilihan kerjaya.

11. Bagi tujuan memanfaatkan lonjakan akademik yang dimiliki oleh Profesor Ulung, Kerajaan telah bersetuju untuk menyerahkan dana berbentuk geran penyelidikan bernilai RM300,000.00 kepada penerima Anugerah Profesor Ulung. Dengan adanya geran penyelidikan ini, Profesor Ulung boleh menyediakan Pelan Penggantian (succession planning) bagi menggilap bakat-bakat muda yang berpotensi dalam bidang fizik khususnya. Saya amat berharap, generasi muda inilah yang akan memacu pembangunan negara menggunakan teknologi berteraskan ilmu fizik yang dimiliki. Di samping itu, saya meminta agar Profesor Ulung dapat menyertai mesyuarat utama kerajaan bergantung kepada bidang masing-masing sebagai pakar rujuk untuk memberikan buah fikiran dan sama-sama berbincang bertukar pendapat dengan pihak kerajaan. Ini adalah juga satu bentuk pengiktirafan kerajaan kepada warga akademik.

12. Yang jelas pelantikan Profesor Ulung ini mencerminkan peranan universiti itu sendiri untuk bukan sahaja melahirkan pemikir masyarakat yang kritis malah turut mengambil bahagian secara aktif dengan menawarkan kepakaran masing-masing dalam kehidupan bermasyarakat dan negara secara berterusan.

Para

hadirin

sekalian,

13. Majlis pada hari ini telah berjaya mengumpulkan begitu ramai cendekiawan negara dalam pelbagai bidang. Tuan-tuan dan puan-puan di hadapan saya ini merupakan mereka yang senantiasa berusaha membantu membangunkan negara kita yang tercinta ini. Penyelidikan, penemuan ilmu

baharu, idea transformasi, penghayatan ilmu dan pelbagai lagi proses dan produk keilmuan adalah menjadi asas pembangunan dan kelestarian negara ini. Saya mengharapkan agar usaha-usaha ini akan dikekalkan dan berterusan bagi memastikan Malaysia menjadi sumber rujukan pendidikan rantau Asia dan juga global.

14. Sehubungan ini dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, sukacitanya saya mengumumkan perlantikan YBhg. Professor Dr. Harith bin Ahmad dari Universiti Malaya sebagai Profesor Ulung bagi tahun 2014; tahniah dan syabas saya ucapkan kepada beliau. Izinkan saya berkongsi sedikit latar belakang beliau; Professor Harith memperoleh ijazah di dalam bidang fizik dengan kepujian kelas pertama pada tahun 1979 dan kemudiannya ijazah sarjana dan kedoktoran dari University of Wales pada tahun 1980 dan 1983. Saya juga difahamkan beliau merupakan warga Malaysia yang pertama yang mendapat latihan didalam bidang sains fotonik. Beliau telah menyumbang kepada pembangunan sektor telekomunikasi melalui jalinan kerjasama akademik dengan industri semenjak rancangan malaysia yang ke tujuh (RMK-7). Beberapa projek kebangsaan tercetus melalui idea awal Professor Harith dan yang terkini termasuklah inisiatif jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun High Speed Broadband-UNIFI. Kecemerlangan beliau didalam akademik juga terserlah melalui penghasilan lebih 520 artikel didalam jurnal ISI dan beberapa paten yang telah difailkan. Kesarjanaan beliau juga diiktiraf melalui beberapa anugerah seperti dilantik sebagai Felo Akademi Sains Malaysia (2006), Anugerah Sains Malaysia-Toray Foundation (2007) dan Anugerah Ahli Sains dan Teknologi Cemerlang ASEAN (2014).

15. Sebagai Profesor Ulung, saya berharap beliau akan meneruskan kecemerlangan ilmiah disamping berganding bahu bersama Profesor-Profesor Ulung sebelum ini demi kesejahteraan masyarakat dan negara, lebih-lebih lagi bagi menempuhi pelbagai cabaran di alaf baru ini. Pengiktirafan ini juga jelas menunjukkan peranan dan martabat tinggi para ilmuan seiring dengan firman Allah didalam surah al-Mujadalah, Surah 58 ayat 11 yang bermaksud "Allah mengangkat orang-orang yang beriman dari golonganmu semua dan juga orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan dengan beberapa darjat". Akhir kata, semoga pelantikan ini akan menjadi obor kepada warga akademik khususnya golongan muda, untuk terus maju sebagai pelopor ilmu dan seterusnya menjadi pelapis kepada kelompok intelektual dan kesarjanaan sedia ada, inshaAllah.

Sekian,

Terima

kasih.

Wabillahitaufiq
Wassalamulaikum Warrahmatullah Wabarakatuh.

Walhidayah,